

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
TAHUN 2020**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN LIM LIP ENG [KEPONG]

TARIKH : 11 OGOS 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN LIM LIP ENG [KEPONG] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan langkah segera untuk mengatasi isu kekurangan pekerja asing bagi banyak sektor industri yang berada pada tahap kritikal. Berapakah bilangan pekerja asing tanpa izin telah hantar pulang ke negara asal mereka sejak bermulanya penularan wabak COVID-19 serta kos yang ditanggung oleh Kerajaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Kerajaan pada masa ini telah membekukan pengambilan pekerja asing baharu mengambil kira penularan wabak pandemik COVID-19 serta impak pandemik tersebut kepada pasaran pekerjaan negara. Tempoh ini akan digunakan oleh Kementerian ini untuk mengambil pendekatan “*all out*” bagi memastikan pencari kerja warganegara diserapkan dalam pasaran pekerjaan bagi mengurangkan kadar pengangguran dan menjamin kelangsungan hidup rakyat.

2. Bagi membantu industri yang memerlukan khidmat pekerja asing sedia ada yang terkesan akibat pandemik ini, Kerajaan bermula 10 Jun 2020 telah menjalankan program pertukaran majikan bagi membolehkan majikan yang tidak dapat meneruskan penggajian pekerja asing mereka supaya menyerahkan pekerja-pekerja tersebut kepada majikan baharu. Proses ini dikendalikan sepenuhnya oleh Jabatan Tenaga Kerja Semenanjung Malaysia dan Kementerian Dalam Negeri serta hanya untuk sektor pekerjaan yang sama. Pada masa yang sama, Kerajaan juga sedang meneliti pelbagai aspek dalam menambah baik pengurusan pengambilan pekerja asing secara holistik.

Sekian, terima kasih.